

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

STU 241 - Perkembangan Manusia dan Sahsiah

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan semuanya. Tiap-tiap soalan mempunyai jumlah markah maksimum yang sama.

Bahagian A

Pilih SATU daripada tiga soalan berikut:

Jelaskan secara ringkas:

- [1] Tiga teori utama tentang kecerdasan. (100 Markah)
- [2] Teori-teori tingkahlaku pembelajaran. (100 Markah)
- [3] Faktor-faktor yang memberi kesan kepada atau mengiringi pertumbuhan. (100 Markah)

Bahagian B

Pilih SATU daripada tiga tajuk (soalan) berikut dan tuliskan satu esei ringkas mengenainya. Berdasarkan kepada tajuk-tajuk yang telah dipelajari dalam kursus ini, berikan contoh-contoh yang sesuai untuk menyokong pandangan-pandangan dan perdebatan/hujah anda.

- [4] "Tingkahlaku manusia adalah disebabkan oleh fenomena yang objektif." (100 Markah)

...2/-

[5] "Untuk memahami polar-polar tingkahlaku individu, kita mestilah mengetahui budaya di mana mereka telah dibesarkan."

(100 Markah)

[6] "Untuk mengenali seseorang individu, kita mestilah memahami bagaimana ia melihat dirinya dan juga bagaimana ia melihat dunia."

(Perhatikan: faktor-faktor dalam perkembangan kesedaran-diri)

(100 Markah)

Bahagian C

Pilih DUA dari lima soalan berikut:

[7] Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan kaedah saintifik, dan tunjukkan bagaimana ia diaplikasi ke dalam tajuk-tajuk yang kita telah pelajari dalam kursus ini.

(100 Markah)

[8] Jelaskan ciri-ciri motivasi sebagai satu konsep psikologi, dan tunjukkan bagaimana ia berkait dengan memenuhi keperluan-keperluan manusia.

(100 Markah)

[9] Apa yang anda tahu mengenai takut, marah dan sayang? Berikan contoh-contoh daripada pengetahuan anda mengenai tiga emosi ini.

(100 Markah)

[10] Apakah ciri-ciri utama perkembangan manusia dari hari pertama kelahiran hingga akil baligh (pubercence)?

(100 Markah)

[11] Apakah ciri-ciri utama perkembangan manusia dari peringkat remaja hingga tua?

(100 Markah)